

Tasik Chini bakal lenyap 2030

» *Penduduk Orang Asli turut terancam hilang sumber makanan*

**Oleh Mohd Azrone Sarabatin
dan Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bharian.com.my

► Subang Jaya

Tasik Chini di Pahang yang diiktiraf sebagai kawasan Rizab Biosfera oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bakal musnah pada 2030 akibat kegiatan pembalakan, perlombongan dan perladangan tidak terkawal di sekitarnya.

Kira-kira 500 penduduk Orang Asli yang mendiami

persekitaran kawasan itu pula bakal 'lenyap' kerana kehilangan sumber makanan, ubat tradisional dan kesan penggunaan air tercemar.

Felo Intelektual Awam Asia (API), Dr Hezri Adnan, berkata tasik itu kini dalam keadaan kritikal dan hanya menunggu masa menjadi kering akibat pemendapan dasar tasik.

Selamatkan Tasik Chini

"Tasik Chini umpama manusia nazak yang hanya menunggu masa meninggal dunia," katanya pada sesi dialog Selamatkan Tasik Chini anjuran Transparency International-Malaysia (TI-M), di sini semalam.



5,026 hektar

luas tasik semula jadi kedua terbesar di Malaysia

500 penduduk

Orang Asli tinggal di kawasan Tasik Chini

6 suku

kaum Orang Asli tinggal di kawasan Tasik Chini

12 badan air

antaranya Gumum, Pulau Balai, Cenahan, Tamung, Jerangking

**Air tercemar
jejas
kesihatan**

Dari muka 1

Dalam pada itu, kajian TI-M bersama pakar dari universiti tempatan mendapati kegiatan pembalakan, perlombongan dan perladangan tidak terkawal memusnahkan biodiversiti tasik berkenaan.

Presidennya, Datuk Paul Low Seng Kuan, berkata ia menyebabkan perubahan ekosistem, manakala tanah bencah yang di banjiri air sungai mengakibatkan kematian tumbuhan dan pokok paya bakau di kawasan rendah sekitar tasik.

Akibat perubahan ekosistem akuatik, muncul sejenis tumbuhan dikenali ekor kucing yang membiak secara meluas dalam tasik yang memusnahkan ekosistem.

Beliau berkata, kerosakan flora dan fauna semula jadi seperti teratai akibat kewujudan tumbuhan itu menyebabkan perubahan ekosistem akuatik serta kadar pendedapan yang tinggi di dasar tasik yang menjadi punca tasik semakin cetek dan kering.

“Fungsi tanah bencah Tasik Chini kian hilang. Ini menjejaskan kualiti air tasik kerana air yang tercemar boleh menjejaskan kesihatan penduduk. Ini menyebabkan bilangan ikan dalam tasik berkurangan sehingga Orang Asli kehilangan sumber makanan dan dikhuatiri akan kelaparan,” katanya.

Rintihan Orang Asli Tasik Chini

» Jawatankuasa rayu selesai segera kerakusan gondol hutan, cemar ekosistem

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bharian.com.my

Subang Jaya

Orang Asli di lima kampung sekitar Tasik Chini menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Selamatkan Tasik Chini untuk membela nasib mereka akibat kerakusan pihak yang mengutamakan keuntungan semata-mata.

Pengerusinya, Ismail Mohammad, berkata tasik itu wujud sejak ratusan tahun lalu dan menjadi sumber kehidupan mereka serta perlu dipertahankan.

“Kehidupan kami semakin terjejas akibat pembalakan, perlombongan dan perladangan di sekitar Tasik Chini dan berharap ia dihentikan segera kerana boleh menyebabkan kami lenyap di dunia,” katanya pada majlis pelancaran kempen Selamatkan Tasik Chini, di sini, semalam.

Tok Batin Tasik Chini, Awang Alok mendakwa masyarakat Orang Asli kawasan berkenaan semakin tertekan akibat pencemaran teruk tasik.

Hilang sumber makanan

“Kami kehilangan sumber makanan kerana kemusnahan hutan akibat pembalakan. Kami hilang sumber makanan daripada pokok dan haiwan buruan. Tumbuhan yang menjadi ubat kami juga musnah.

“Pencemaran sungai pula menyebabkan kami kehilangan bekalan air bersih dan ikan yang menjadi sumber makanan penting,” katanya.

Awang berkata, mereka me-



Sebahagian Orang Asli yang hadir pada majlis perasmian kempen Selamatkan Tasik Chini di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH]

nyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 10 April lalu untuk menyelesaikan segera masalah berkenaan.

Katanya, memorandum itu diterima Setiausaha Sulit Kanan Perdana Menteri, Mohamad Amir Harun yang kemudian melawat tasik berkenaan lima hari kemudian dan memberi jaminan memaklumkan masalah itu kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata, pada 23 April lalu, Mohamad Amir mengemukakan maklum balas daripada Pejabat Daerah Pekan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengenai isu dibangkitkan.

“Kami gembira dimaklumkan Perdana Menteri sudah membincangkan perkara itu dengan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob,” katanya.





Kawasan hutan di Tasik Chini yang didakwa **diceroboh** untuk **penebangan balak**.

“

Kami hilang sumber makanan kerana kemusnahan hutan akibat pembalakan. Kami hilang sumber makanan daripada pokok dan haiwan buruan. **Tumbuhan menjadi ubat kami juga musnah**”

Awang Alok,
Tok Batin Tasik Chini



Air yang bertakung **merosakkan pokok**.

INFO

Ekor kucing



- ⊙ Nama saintifik Cobomba Furcata
- ⊙ Tumbuhan akuatik keluarga perisai air
- ⊙ Berasal dari **Amerika Selatan**
- ⊙ Ketinggian maksimum 30 dan 80 sentimeter
- ⊙ Lebar lapan sentimeter
- ⊙ Dibiakkan daripada keratan dan pucuk
- ⊙ Memerlukan cahaya dan hidup di tempat terang bagi mengelakkan reput
- ⊙ Makanan spesies ikan herbivor
- ⊙ Sangat sensitif kepada alga
- ⊙ Bercambah dan meledak dengan pesat sehingga melitupi ruang dalam tasik secara ekstensif
- ⊙ Mempunyai korelasi dengan kualiti air akibat faktor antropogenik kian berkembang
- ⊙ Aktiviti pembajaan giat pokok yang ditanam di tepi tasik mempengaruhi pembiakannya

Tumbuhan ekor kucing punca tasik berbau, hilang oksigen

Subang Jaya: Tumbuhan ekor kucing yang membiak di Tasik Chini amat berbahaya kerana boleh menyebabkan air tasik berbau, berubah warna serta mengakibatkan sungai kehilangan oksigen.

Ia dikesan menjadi punca kematian pelbagai spesies ikan yang menjadi sumber makanan Orang Asli.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Prof Dr Maketab Mohamed, berkata ia menyebabkan air tercemar dan tidak boleh diminum.

Katanya, kajian mendapati kegiatan perladangan turut berlaku di kawasan tadahan hujan yang menyebabkan air tercemar oleh baja yang mengalir ke dalam tasik.

Perlombongan bijih besi menyebabkan keadaan makin teruk kerana menambah pencemaran tasik yang mendedahkannya kepada kerosakan.

“Ketika ini, air dari Sungai Pahang yang memasuki Tasik Chini tidak lagi mengikuti hidrologi, iaitu berlaku dua tahun sekali, berbanding dua kali setahun sebelum ini.

Ini jelas membuktikan kerosakan teruk yang berlaku pada ekosistem sungai,” katanya.

Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Muhammad Sha’ani Abdullah, berkata hak dan adat Orang Asli perlu dilindungi dan dihormati. Katanya, kerajaan pusat dan negeri seharusnya memberikan perhatian serius terhadap isu lima kampung di sekitar Tasik Chini dengan menghentikan serta merta kegiatan yang memusnahkan kehidupan mereka.

Katanya, kerajaan pusat dan negeri seharusnya memberikan perhatian serius terhadap isu lima kampung di sekitar Tasik Chini dengan menghentikan serta merta kegiatan yang memusnahkan kehidupan mereka.

“Tidak wujud sebarang pertikaian wilayah dan tanah adat Orang Asli di Tasik Chini. Mereka seharusnya dilindungi, bukannya ditindas sehingga kehilangan kehidupan yang dinikmati dengan gembira”

Muhammad Sha’ani Abdullah,
Pesuruhjaya SUHAKAM

Setiausaha Agung Persatuan Promosi Hak Asasi Manusia (PROHAM), Datuk Dr Denison Jayasooria, berkata laporan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2010 mendedahkan ekosistem Tasik Chini sangat kritikal dan menunggu masa untuk ‘mati’.

“Kesan buruk aktiviti pembangunan seperti perlombongan berhampiran tasik, perladangan di kawasan tadahan dan empangan dasar yang dibina pada 1995 di Sungai Chini menjejaskan kehidupan dan mengahakis keselamatan Orang Asli di Tasik Chini,” katanya.